



# PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)

Penyelaras Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK)  
d/a Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik,  
Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu

☎ : +609-6683316  
☎ : +609-6683326

🌐 : <http://persama.org.my>  
✉ : [umtomk@gmail.com](mailto:umtomk@gmail.com)

## OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN (OMK)

Rujukan Kami : PERSAMA/OMK/100-54/1/5  
Tarikh : 10 Mac 2021  
Bersamaan : 26 Rejab 1442

### Semua Pengetua Sekolah/Pengarah Kolej/Matrikulasi/Politeknik/Universiti

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### PERTANDINGAN OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN (OMK) 2021

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) 2021 yang disokong sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan merupakan aktiviti tahunan kelolaan Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) akan diadakan seperti butiran berikut:

**Tarikh : 31 Julai 2021 (Sabtu)**

**Masa : 10:00 pagi – 12:30 tengah hari**

3. Pertandingan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

**a) Kategori Bongsu - Tingkatan 1 dan 2**

**b) Kategori Muda - Tingkatan 3 dan 4**

**c) Kategori Sulung - Tingkatan 5 dan 6/Matrikulasi/Setara**

4. Pusat penyelarasan OMK adalah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Berikutan situasi semasa pandemik COVID-19 dan saranan daripada pihak KPM, **pertandingan OMK 2021 akan dijalankan sepenuhnya di dalam talian iaitu melalui platform *Google Forms***. Walaubagaimanapun, sebarang perubahan adalah tertakluk kepada penganjur dengan kebenaran pihak KPM. Sila ambil maklum bahawa **tiada sebarang surat panggilan OMK akan diposkan kepada pihak sekolah. Penyelaras atau pihak sekolah/institusi perlulah BERTANGGUNGJAWAB untuk menyemak maklumat terkini OMK 2021 di laman sesawang PERSAMA bagi mengetahui maklumat lanjut tentang OMK 2021.**

5. **Sijil penyertaan akan diberi kepada setiap peserta yang hadir pada hari pertandingan sahaja manakala penyelaras sekolah/institusi dan pihak sekolah/institusi akan diberi sijil penghargaan berupa sijil elektronik (e-sijil).**

6. Peserta OMK 2021 yang memperoleh pencapaian cemerlang akan dipilih dan layak disaring untuk menyertai kem-kem intensif matematik di bawah kelolaan KPM bagi menyertai pertandingan matematik peringkat antarabangsa. **Pelajar yang pernah mewakili Malaysia dalam mana-mana pertandingan matematik peringkat antarabangsa dari tahun 2019 hingga 2021 tidak dibenarkan menyertai OMK 2021.**

7. Berikut merupakan beberapa maklumat berkaitan OMK 2021.

#### **a) Yuran Penyertaan OMK 2021**

Pertandingan OMK adalah secara berkumpulan (**4 peserta/kumpulan**) manakala bilangan kumpulan adalah tidak terhad. Berikut adalah yuran penyertaan bagi OMK 2021:

Status Keahlian	Perkara	Bayaran Awal	Bayaran Selepas 17 Julai 2021
Sekolah Yang Menjadi Ahli PERSAMA	Yuran Keahlian PERSAMA	RM 50.00	RM 50.00
	Kumpulan Pertama (Setiap Kategori)	RM 60.00	RM 70.00
	Kumpulan Berikutnya (Dalam Kategori Sama)	RM 50.00	RM 60.00
Sekolah Yang Bukan Ahli PERSAMA	Setiap Kumpulan	RM 120.00	RM 130.00

**Pendaftaran keahlian PERSAMA boleh dilakukan serentak dengan pendaftaran OMK 2021 yang mana tempoh keahlian adalah selama setahun (1 Januari 2021 - 31 Disember 2021).**

**b) Pendaftaran OMK 2021**

Penyelaras atau pihak sekolah/institusi boleh memuat turun **Borang Pendaftaran OMK 2021** di **laman sesawang PERSAMA (<http://persama.org.my>)** dan menghantar semula melalui e-mel OMK ([umtomk@gmail.com](mailto:umtomk@gmail.com)).

**c) Tarikh Tutup Pendaftaran dan Bayaran OMK 2021**


Pendaftaran penyertaan hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya pada 3 Julai 2021** dan bayaran penyertaan perlu dibuat **selewat-lewatnya pada 17 Julai 2021**.

8. Bagi menjana satu generasi yang berdaya matematik untuk menyahut cabaran sains dan teknologi dalam milenium ini, aktiviti ke arah pencapaian matematik yang lebih tinggi wajarlah disambut dengan penuh semangat. Justeru, pihak PERSAMA amat mengalu-alukan para pelajar dan sekolah/institusi untuk menyertai pertandingan OMK 2021.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**DR. BINYAMIN BIN YUSOFF**

Penyelaras Olimpiad Matematik Kebangsaan 2021  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik  
Universiti Malaysia Terengganu  
Tel : 09-6683316 | Faks : 09-6683326  
E-mel : [binyamin@umt.edu.my](mailto:binyamin@umt.edu.my)

s.k. - fail

**Perhatian:**

1. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh terus berhubung dengan sekretariat OMK melalui e-mel ([umtomk@gmail.com](mailto:umtomk@gmail.com)) atau penyelaras-penyelaras sekolah/institusi berikut mengikut negeri masing-masing:

Nama	No Tel.	e-mel	Negeri
Dr. Nur Aidya Hanum Binti Aizam	09-6683979	<a href="mailto:aidya@umt.edu.my">aidya@umt.edu.my</a>	Johor
Dr. Fatimah Noor Harun	09-6683341	<a href="mailto:fnoor_hh@umt.edu.my">fnoor_hh@umt.edu.my</a>	Kedah/Perlis
Dr. Ilyani Abdullah	09-6683476	<a href="mailto:ilyani@umt.edu.my">ilyani@umt.edu.my</a>	Kelantan
Dr. Hanafi Bin A. Rahim	09-6683626	<a href="mailto:hanafi@umt.edu.my">hanafi@umt.edu.my</a>	Melaka
Dr. Ahmad Termimi Ab Ghani	09-6683975	<a href="mailto:termimi@umt.edu.my">termimi@umt.edu.my</a>	Negeri Sembilan
Pn. Siti Madhiah Binti Abdul Malik	09-6683734	<a href="mailto:madhiah@umt.edu.my">madhiah@umt.edu.my</a>	Pahang
Dr. Mohamad Nazri b. Husin	09-6683331	<a href="mailto:nazri.husin@umt.edu.my">nazri.husin@umt.edu.my</a>	Perak
Dr. Azwani Binti Alias	09-6683413	<a href="mailto:azwani.alias@umt.edu.my">azwani.alias@umt.edu.my</a>	Pulau Pinang
Dr. Nur Fadhilah Binti Ibrahim	09-6683717	<a href="mailto:fadhilah@umt.edu.my">fadhilah@umt.edu.my</a>	Sabah
Dr. Syerrina Binti Zakaria	09-6683681	<a href="mailto:syerrina@umt.edu.my">syerrina@umt.edu.my</a>	Sarawak
Dr. Hassilah Salleh	09-6683380	<a href="mailto:hassilah@umt.edu.my">hassilah@umt.edu.my</a>	Selangor
Pn. Nor Azlida Aleng@Mohamad	09-6683744	<a href="mailto:azlida_aleng@umt.edu.my">azlida_aleng@umt.edu.my</a>	Terengganu
Dr. Mohamed Saifullah Hussin	09-6683383	<a href="mailto:saifullah@umt.edu.my">saifullah@umt.edu.my</a>	WP Kuala Lumpur/Putrajaya

2. PERSAMA juga menerbitkan buku himpunan soalan-soalan OMK. Sila layari laman sesawang PERSAMA (<http://persama.org.my>) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kaedah pembelian.